

NO. SOALAN: 117

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**

RUJUKAN : 10400

SOALAN :

Datuk Noor Ehsanuddin Bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan rakyat asing mengikut negara asal masing-masing yang mendapat taraf warganegara Malaysia dan status penduduk tetap dari tempoh 2013 sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2013 hingga 30 September 2017, seramai 23,915 orang individu warga asing telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia. Dalam hal ini, 3 buah negara asal tertinggi adalah dari Indonesia (7,254 orang), Thailand (1,882 orang) dan India (1,804 orang). Bagi tempoh yang sama, JPN telah merekodkan seramai 16,667 orang individu bertaraf Pemastautin Tetap di Malaysia.